

# UMS minta pegawai kesihatan lepas waktu pejabat

BH 25.09.2012 /2

**Labuan:** Jabatan Kesihatan Labuan sedia menempatkan seorang pembantu kesihatan dan jururawat di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bagi kemudahan warga kampus.

Pengaruhnya, Dr Zaini Hussin, berkata pihaknya akan mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan dan berbincang dengan pegawai kanan Jabatan Kesihatan Labuan sebelum dilaksanakannya kerana ia membabitkan dasar kerementerian.

Katanya, seorang pembantu kesihatan dan jururawat boleh ditempatkan di universiti selepas waktu pejabat antara jam 6 hingga 10 malam untuk berkhidmat kepada kira-kira 2,000 pelajar dan 300 kakitangan dan pensyarah UMS-KAL.

Dr Zaini berkata, Jabatan Kesihatan juga mencadangkan khidmat klinik bergerak diadakan jika kakitangan terbabit tidak dapat dibekalkan.

"Kami sedia membincangkan cadangan pengurusan UMS-KAL itu untuk membantu merawat warga kampus terutama pelajar selepas waktu pejabat," katanya selepas menerima kunjungan hor-



Dr Ismail (dua dari kiri) berbincang dengan Dr Zaini **sambil diperhatikan** Musnin di Jabatan Kesihatan Labuan, semalam.

[FOTO AZRI ONN/BH]

mat Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, semalam.

Dr Ismail mencadangkan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah, bagi menempatkan seorang doktor, pembantu kesihatan dan jururawat bagi kemudahan warga kampus terutama pelajar di kolej kediaman.

Katanya, kehadiran kakitangan bertaualiah Jabatan Kesihatan akan meringankan beban pelajar kerana

tidak perlu ke klinik kesihatan bagi mendapatkan rawatan penyakit biasa seperti demam, pening atau luka kecil.

Prof Harun dilaporkan berkata, pihak universiti akan membayai segala keperluan dikehendaki Jabatan Kesihatan terutama ubat, pil, vitamin, peralatan asas seperti katil dan perabot.

Dr Ismail berharap, hubungan baik kedua-dua jabatan kerajaan

itu akan membantu mempercepatkan proses penempatan pembantu kesihatan di UMS-KAL.

Hadir sama Pegawai Perubatan, Dr Adam Firdaus Dahlan; Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran UMS-KAL, Musnin Mattersah; Penolong Bendahari Kanan, Muhamirah Muchlish; Jurutera Kanan, Jorin Matawas dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan.